

## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOPMEDIA KE-57 BERLANGSUNG DENGAN JAYANYA



Para perwakilan, kakitangan, wakil SKM Wilayah Persekutuan dan juruaudit luar A. Razak & Co bergambar sempena majlis perasmian MAPT Kopmedia.



Mesyuarat Agung dipengerusikan Encik Mohd Fadzil Abdul Ghani (tengah) berlangsung di IDEAS Hotel, Kuala Lumpur.



Encik Mohd Fadzil Abd Ghani, Pengerusi KOPMEDIA dan Puan Rosmawati Mohd Zin, Pengarah Wilayah 2 BIMB, menandatangani MoU sambil diperhatikan (dari kiri) Encik Fadilah Sabri, Pengarah SKMWP, Encik Abdul Rahim Llin, Setiausaha KOPMEDIA dan Encik Norman Awang, Ketua Perhubungan Pemasaran Strategik BIMB



Encik Fadilah, Sabri, Pengarah SKMWP melancarkan KOPMEDIA GOLD sambil diperhatikan oleh Encik Mohd Fadzil Abd Ghani, Pengerusi KOPMEDIA

**22 JUN 2025** – Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Media Prima Berhad (KOPMEDIA) kali ke-57 berlangsung dengan meriah dalam era baru penjenamaan semula syarikat. Ini berikutan kelulusan SKM menukar nama koperasi NSTP Kepada KOPMEDIA.

Mesyuarat dimulakan dengan ucapan oleh Encik Mohd Fadzil Abdul Ghani, Pengerusi KOPMEDIA, yang menyentuh tentang peningkatan prestasi Koperasi tahun 2024, kejayaan penjenamaan semula kepada Koperasi Media Prima Berhad (KOPMEDIA), serta rancangan strategik koperasi hingga tahun 2030.

Majlis turut diberkati dengan kehadiran dan ucapan Encik Fadilah Sabri, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Wilayah Persekutuan, yang seterusnya merasmikan Mesyuarat Agung kali ini. Turut hadir Puan Nurhafiza Abd Wahab, Penyelia Koperasi Nasional D, serta wakil juruaudit luar dari A. Razak & Co, Puan Fathiyah Selamat dan Encik Azhar Ali.

Mesyuarat turut menyaksikan majlis menandatangani MoU antara KOPMEDIA dan Bank Islam Malaysia Berhad, serta pelancaran rasmi KOPMEDIA Gold.

Seramai 30 orang perwakilan hadir, dan mesyuarat dijalankan mengikut peruntukan Seksyen 39 Akta Koperasi 1993 serta Sub Peraturan 14(1) Peraturan-Peraturan Koperasi 2010, merangkumi pelbagai agenda penting yang menyokong kemajuan koperasi.

#KOPMEDIA  
#PELANSTRATEGIKKOPMEDIA2030  
#MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA